

## TAHAP PENGHAYATAN AMALAN AGAMA SISWA GURU PPISMP AMBILAN JUN 2017 DI IPG KAMPUS ILMU KHAS, KUALA LUMPUR.

*Levels of Religious Appreciation among the June 2017 Intake PPISMP Trainee Teachers at  
IPG Kampus Ilmu Khas Kuala Lumpur*

<sup>1</sup>Jainudin Ngah, <sup>2</sup>Nurul Huda Mohd Bisri, <sup>3</sup>Norlela Ali & <sup>4</sup>Muaaz Muhammad,  
<sup>1,2,3,4</sup>*Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.*  
<sup>1</sup>*jainudin@ipgkik.edu.my*

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru dan mengena pasti perbezaan tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru berdasarkan jantina. Kajian melibatkan seramai 63 orang siswa guru Program Pra Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Semester 2, Ambilan Jun 2017 dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (IPG KIK) yang dipilih secara rawak. Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi 27 item, bagi mendapatkan maklum balas daripada responden. Program The Statistical Program For Sosial Science (SPSS) versi 22 digunakan untuk menganalisis data kajian yang dikumpul melalui soal selidik. Hasil kajian mendapati tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK berada pada tahap tinggi dengan min 4.44 ( $sp=0.32$ ). Hasil ujian-t, mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan. Berdasarkan kajian ini dicadangkan siswa guru meningkatkan amalan agama melalui kaedah tazkiyah al nafs bagi melahirkan siswa guru yang terpuji sahsiah dan sesuai dengan apa yang digariskan dalam kod etika perguruan.

**Kata kunci:** penghayatan agama, amalan agama

### ABSTRACT

*This study aims to identify the level of religious appreciation among trainee teachers and to identify differences in the level of religious appreciation among them based on gender. The study involved 63 randomly selected trainee teachers from the Pre-Bachelor of Teaching Program (PPISMP) who were in Semester 2, June 2017 at Institut Perguruan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK). This study employs a survey es containing 27 items. The Statistical Programme for Social Science (SPSS) version 22 is used to analyze the data collected through the questionnaire. The findings show that the level of religious appreciation among PPISMP teachers was high at 4.44 ( $sp = 0.32$ ). The t-test results showed that there was no significant difference between the level of religious appreciation among male and female trainee teachers. Based on this study, trainee teachers are encouraged to increase religious practice through the tazkiyah al nafs method to become students who are credible in character and in accordance with what is outlined in the ethical code of teaching*

**Keywords :** religious appreciation, religious practice

## PENGENALAN

Pendidikan adalah satu platform untuk membentuk akhlak, watak, tingkah laku dan peribadi seseorang menjadi insan mulia yang dapat memberi manfaat kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Ini sejajar dengan Matlamat Pendidikan Islam (BPK, KPM, 2016) iaitu membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta mampu menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara untuk kesejahteraan dunia dan akhirat. Usaha murni ini hanya dapat direalisasikan melalui penghayatan dan pengamalan agama Islam itu sendiri.

Institut Pendidikan Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) adalah salah sebuah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang dipertanggungjawabkan untuk melatih bakal-bakal guru juga meneruskan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan, untuk melahirkan insan yang berguna kepada masyarakat dan negara. Justeru personaliti bakal guru sebagai generasi pendidik anak bangsa negara mestilah mempunyai dan keperibadian yang mulia kesan daripada penghayatan dan amalan Pendidikan Islam. Sehubungan dengan itu, penyelidik berasa perlu untuk membuat kajian tentang tahap penghayatan amalan agama dalam kalangan siswa guru ini untuk membantu mereka menjadi guru yang mempunyai akhlak yang unggul dan keperibadian yang mulia.

## SOROTAN LITERATUR

Menurut Kamus Dewan (prpm.dbp.gov.my), ‘penghayatan’ merupakan kata terbitan daripada perkataan ‘hayat’. Ia menggambarkan perihal atau proses menghayati mengalami dan merasai dan meresapkan ke dalam jiwa. Manakala Nik Azis Nik Pa (2007) menjelaskan penghayatan merujuk kepada aspek menjadikan sesuatu perkara sebagai amalan seharian atau satu tabiat. Beliau juga menjelaskan faktor penghayatan ilmu dan amal yang rendah menyebabkan jurang antara pengetahuan dan pengamalan. Menurut Mansor Abd. Kadir (1997), penghayatan akhlak dan nilai murni boleh digambarkan melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Manakala penghayatan agama (religiosity) kebiasaannya dirujuk sebagai pelaksanaan dan pengamalan agama oleh seseorang muslim di dalam kehidupannya, sama ada melibatkan lingkungan pengaruhnya secara perseorangan seperti akidah, ibadah dan akhlak atau melangkaui keluar hingga ke ruang kecaknaannya seperti pelaksanaan syariah yang melibatkan individu lain, keluarga, masyarakat dan negara; dengan berasaskan pengetahuan dan kefahamannya mengenai agama (Zulkiple dan Nor Salimah, 2006). Manakala perkataan amalan bermaksud perbuatan yang biasa dilakukan atau kebiasaan (Kamus Pelajar Edisi Kedua)

Menurut H. Ibrahim Lubis (Zulkiple dan Nor Salimah, 2006), perkataan agama berasal dari perkataan Sanskrit iaitu gabungan ‘a’ bermakna tidak dan ‘gama’ bermakna kacau, menjadikan ‘agama’ memberi maksud peraturan atau tidak kacau. Oleh Sesuai dengan itu, orang yang beragama dikaitkan sebagai manusia yang memiliki ketenangan zahir dan batin. Oleh itu konsep penghayatan agama sebagai menghayati agama dalam segenap aspek kehidupan, menyeluruh berdasarkan pengertian menghayati akidah sebagai pegangan hidup, ibadah sebagai amalan hidup, syariah sebagai peraturan dan pertimbangan hidup serta akhlak mulia sebagai etika hidup termasuk menjauhi perbuatan syirik dan perbuatan-perbuatan lain yang ditegah oleh Allah SWT. Walaupun terdapat banyak kajian yang membincangkan mengenai Pendidikan Islam, dan namun masih kurang kajian yang memfokuskan berkaitan pelaksanaan Pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak guru pelatih khususnya di IPG Kampus Ilmu Khas. Walaupun terdapat banyak kajian yang membincangkan mengenai Pendidikan Islam, dan namun masih kurang kajian yang memfokuskan berkaitan pelaksanaan Pendidikan Islam dalam pembinaan akhlak guru pelatih khususnya di IPG Kampus Ilmu Khas.

Kajian ini adalah berdasarkan teori pembinaan akhlak Imam Al-Ghazali dalam aspek penghayatan agama yang dikemukakan dalam kajian Sarimah *et.al.* (2011) dan kajian Raihan dan Pabiyah (2017). Teori ini menyatakan bahawa pembentukan akhlak yang baik memerlukan daya kawal yang tinggi kepada empat aspek yang sangat mempengaruhi akhlak iaitu kekuatan ilmu, kekuatan marah, kekuatan nafsu syahwat dan kekuatan keadilan (keseimbangan di antara ketiga-tiga kekuatan tersebut). Kekuatan ilmu hanya berlaku apabila berlaku pembezaan antara benar dan dusta, benar dan batil, dan baik buruk sesuatu perbuatan serta tindakan.

Kajian ini juga adalah berdasarkan kepada Model Konseptual Pendidikan Guru yang dibina berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan tiga aspek asas iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang. Model Konseptual Pendidikan Guru mengutamakan akauntabiliti guru kepada tiga dimensi utama iaitu ketuhanan, sendiri, dan kemasyarakatan. Ketiga-tiga dimensi ini dijelmakan dalam program yang dirancang seperti berikut:

i. Ketuhanan :

Menganjurkan peningkatan ilmu, penghayatan dan amalan individu sebagai insan yang percaya dan patuh kepada ajaran agama.

ii. Kemasyarakatan :

Menekankan peranan guru sebagai pendidik, pemimpin dan sebagai agen perubahan.

iii. Kendiri :

Menjurus kepada pembinaan daya ketahanan, patriotisme, pemupukan budaya ilmu, pembentukan sahsiah dan berpekerti mulia.

Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Guru, model ini menggambarkan suatu usaha yang berterusan dalam menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Qur'an dan as-Sunnah. Ia bertujuan melahirkan insan berilmu, berperibadi mulia dan bersikap positif untuk membangun diri, masyarakat dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat. Hasrat ini dapat dicapai menerusi pelaksanaan kurikulum pendidikan guru yang menyepadukan aspek-aspek pengetahuan, kemahiran ikhtisas dan amalan nilai-nilai keguruan. Disamping itu dapat menjadi model yang terbaik "*Qudwah Hasanah*" kepada murid, masyarakat, berbakti kepada negera dan melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

Kurikulum Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PPISMP) digubal dengan mengambil kira usaha menterjemahkan ketiga-tiga aspek iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai secara bersepadu yang diperjelas seperti berikut:

i. Pengetahuan:


Merangkumi pengetahuan am dan pengetahuan dalam mata pelajaran KBSR dan KBSM serta pengetahuan ikhtisas keguruan.

ii. Kemahiran:

Merangkumi kemahiran ikhtisas yang menjurus kepada kemahiran berkomunikasi, kemahiran belajar, kemahiran berfikir, literasi komputer dan pedagogi. Pembinaan dan pengukuhan aspek "*how to*" dengan memberi tumpuan kepada pengintegrasian teknologi maklumat dalam pelaksanaan kurikulum.

## iii. Nilai:

Merujuk kepada penerapan, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni keguruan yang menampilkan sahsiah dan perlakuan sebagai guru yang penyayang, berpekerti mulia, berdaya tahan, patriotik, inovatif, kreatif, berketrampilan dan berwibawa serta patuh kepada profesion perguruan. Segala penjelasan mengenai Model Konseptual Pendidikan Guru diambil secara menyeluruh dari Kursus Persediaan Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam PPISMP bahagian Pendidikan Guru yang berkuatkuasa mulai Julai 2006.



Rajah 1. Model Konseptual Pendidikan Guru

### PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan penyelidik, terdapat kajian mengenai kepincangan akhlak, masalah sosial dan disiplin dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah dan di institusi pengajian tinggi tetapi masih kurang kajian terhadap siswa guru di institusi pendidikan guru khususnya di IPG Kampus Ilmu Khas. Kajian-kajian tersebut menyatakan punca kepincangan tersebut adalah kerana kurangnya pemahaman dan penghayatan terhadap Pendidikan Islam dan akhlak Islam. Ini dipersetujui oleh Mohamad Khairi Hj Othman *et.al.*, (2015) juga oleh Sarimah Mokhtar *et.al.*, (2011).

Di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) ini mata pelajaran Pendidikan Islam diajarkan kepada siswa guru sama ada sebagai mata pelajaran umum dan kursus elektif. Matapelajaran Pendidikan Islam umum diwajibkan kepada semua siswa guru muslim bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) semester dua juga Program Ijazah Pendidikan Sarjana Muda (PISMP) di semester empat. Manakala kursus elektif Pendidikan Islam ditawarkan kepada siswa guru Program Ijazah Pendidikan Sarjana Muda (PISMP) di semester lima dan semester tujuh (Buku Panduan PISMP, KPM. 2015). Namun begitu dalam kajian ini, penyelidik hanya menumpukan kepada siswa guru program PPISMP Ambilan Jun 2017 sahaja sebagai responden yang mengambil Pendidikan Islam (GPI 1083) iaitu seramai 63 orang.

Pendidikan Islam (GPI 1083) ini diajar pada semester dua membawa nilai 3 jam kredit. Kursus ini diajar 3 jam seminggu selama 15 minggu dengan jumlah jam pembelajaran secara bersemuka sebanyak 45 jam (3 kredit). Terdapat 8 topik utama diajar dalam kursus ini iaitu peranan al-Quran dan al-Sunnah, akidah, fiqh ibadah, asas fiqh muamalat, asas fiqh munakahat, akhlak, sirah dan peranan manusia sebagai khalifah. (RMK GPI1083, Berkuat kuasa mulai Jun 2013 (Kemas kini November 2016).

Walaupun pengajaran Pendidikan Islam ini berterusan diajar dalam tempoh lebih kurang lima tahun tetapi masih juga kedapatan masalah sosial dan disiplin berlaku dalam kalangan siswa guru di IPGKIK. Dalam laporan Prosiding Akta 174 IPGKIK antara kesalahan yang dilakukan oleh siswa-siswa guru ialah memalsukan sijil sakit, ponteng kuliah, kecelaruan gender, tidak menyempurnakan kerja kursus, tidak hadir peperiksaan, membawa masuk nota ke dalam peperiksaan, tidak hadir praktikum. Terdapat juga kesalahan perlakuan tidak bermoral yang mencemarkan nama baik kampus. Kesalahan-kesalahan ini dikenakan hukuman tertentu mengikut ketetapan Prosiding Akta 174 (Rekod Laporan Prosiding Akta 174, Jabatan Hal Ehwal Pelajar).

Timbul banyak persoalan dalam diri penyelidik antaranya, adakah kursus pendidikan Islam yang dipelajari sepanjang mereka di sekolah mencukupi dan berkesan dalam membentuk akhlak siswa guru berdasarkan kes-kes tingkah laku yang dilaporkan? Apakah tahap penghayatan agama siswa guru PPISMP di IPKIK? Adakah penghayatan agama siswa guru ini berada pada tahap yang tinggi atau sebaliknya, dengan mengambil kira faktor lokasi IPGKIK yang terletak di tengah pusat bandar dan kehidupan siswa guru yang jauh dari perhatian ibu bapa? Justeru pengkaji berasakan amat perlu dibuat satu kajian tentang penghayatan agama siswa guru memandangkan aspek ini sangat penting dalam menentukan jati diri dan pembentukan modal insan pendidik yang seimbang dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

### OBJEKTIF KAJIAN

Secara khususnya kajian ini adalah bertujuan untuk:

- i. Mengetahui tahap penghayatan amalan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPGKIK
- ii. Mengetahui perbezaan tahap penghayatan amalan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPGKIK berdasarkan jantina.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan menggunakan kajian kuantitatif melalui soal selidik terpiawai. Rekabentuk kajian yang digunakan ini bersesuaian dengan objektif kajian ini iaitu untuk mengenalpasti tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK dan mengenalpasti tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK berdasarkan jantina.

Kajian ini melibatkan seramai 63 orang siswa guru PPISMP Semester 2 Tahun 1 Ambilan Jun 2017 dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur (IPGKIK). Bagi mendapatkan data kajian, satu set soal selidik yang mengandungi 26 item menggunakan skala likert lima mata telah diedarkan kepada responden. Soal selidik ini mengandungi 2 bahagian iaitu; Bahagian A merangkumi latar belakang responden. Bahagian B adalah berkaitan dengan amalan penghayatan agama. Bahagian B dalam soal selidik ini telah diubah suai daripada soal selidik kajian oleh Sarimah Mokhtar, *et.al* (2011).

Dalam kajian ini, data yang diperoleh adalah dianalisis menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 22. Analisis statistik deskriptif telah digunakan untuk mendapatkan kekerapan, min dan sisihan piawai ke atas item latar belakang responden, dan juga untuk tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK, manakala analisis statistik inferensi yang melibatkan ujian-t telah digunakan untuk dan mengenalpasti perbezaan tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK berdasarkan jantina. Pengelasan min untuk tafsiran pemboleh ubah adalah seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1

*Pengelasan Min*

Min	Tahap
4.01 – 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana rendah
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Nunnaly (1972)

## DAPATAN KAJIAN

*Profil Responden*

Jadual 2 memaparkan latar belakang responden berdasarkan faktor demografi yang melibatkan 63 orang siswa guru PPISMP Semester 2 Tahun 1 Ambilan Jun 2017 dari IPG KIK

Jadual 2

*Profil Responden berdasarkan demografi (N-63)*

Bil	Perkara		Bilangan Responden	Peratus Responden
1	Jantina	Lelaki	21	33
		Perempuan	42	67
2	Pengkhususan	Pendidikan Muzik	15	24
		Pendidikan Khas	33	52
		Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	15	24
3	Penguasaan Al-Quran	Kurang Lancar	11	17
		Lancar	42	67
		Sangat Lancar	10	16

Berdasarkan kepada latar belakang responden, jumlah siswa guru perempuan yang terlibat dalam kajian ini adalah lebih ramai, iaitu seramai 42 orang (67%), berbanding jumlah siswa guru lelaki, iaitu seramai 21 orang (33%). Dari taburan pengkhususan pelajar, seramai 15 orang (24%), pelajar adalah dari pengkhususan Pendidikan Muzik, dan jumlah ini sama dengan bilangan siswa guru dari pengkhususan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Kajian ini melibatkan ramai siswa guru dari pengkhususan Pendidikan

Khas, iaitu seramai 33 orang dengan peratusan sebanyak 52%. Bagi penguasaan al-Quran pula, seramai 10 orang (16%) siswa guru sangat lancar membaca al-Quran, manakala seramai 42 orang (67%) siswa guru lancar membaca al-Quran. Namun masih terdapat 11 orang siswa guru (17%) kurang lancar membaca al-Quran.

### *Analisis diskriptif tahap penghayatan agama*

Jadual 3

*Analisis Diskriptif Tahap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Siswa Guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK*

Bil	Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Saya menyedari bahawa Allah adalah pelindung kepada semua jenis makhluk	4.98	.13	Tinggi
2	Saya menyedari bahawa Allah mengetahui segala gerak geri makhlukNya	4.94	.25	Tinggi
3	Saya merasai ketenangan apabila bertawakal kepada Allah	4.90	.35	Tinggi
4	Saya merasa kerdil apabila melihat tanda-tanda kebesaran Allah	4.94	.30	Tinggi
5	Saya berbaik sangka kepada Allah walaupun doa tidak dimakbulkan	4.81	.47	Tinggi
6	Saya merasa seronok mendengar kisah para Nabi	4.87	.38	Tinggi
7	Saya merasa marah mendengar penghinaan terhadap Rasulullah S.A.W	4.87	.42	Tinggi
8	Saya berfikir tentang ciptaan-ciptaan Allah yang terdapat di sekeliling saya	4.86	.40	Tinggi
9	Saya berzikir kepada Allah sepanjang masa	3.97	.86	Sederhana tinggi
10	Saya meletakkan hukum Islam sebagai keutamaan dalam apa jua perkara yang dilakukan	4.56	.64	Tinggi
11	Saya membaca ayat-ayat al-Quran	4.68	.53	Tinggi
12	Saya membaca "bismillah" sebelum memulakan sesuatu pekerjaan	4.29	.68	Tinggi
13	Saya berselawat ke atas Rasulullah setiap kali nama Baginda disebut	4.71	.52	Tinggi
14	Saya menjadikan akhlak Rasulullah sebagai contoh terbaik	4.68	.59	Tinggi
15	Saya menyebut "subhanallah" bila melihat kebesaran Allah	4.62	.55	Tinggi
16	Saya mengucapkan "alhamdulillah" setiap nikmat yang diperolehi	4.73	.51	Tinggi
17	Saya melaksanakan saranan hadis-hadis Rasulullah yang dibaca	4.33	.67	Tinggi
18	Saya berpuasa sunat	4.02	.91	Tinggi
19	Saya memahami maksud bacaan ketika solat	3.70	.71	Sederhana tinggi
20	Saya menunaikan solat di awal waktu	3.59	.66	Sederhana tinggi
21	Saya bangun pada waktu malam untuk menunaikan solat tahajud dan solat sunat yang lain	3.21	.79	Sederhana tinggi

22	Saya mengambil wuduk setiap kali terbatal	4.13	1.10	Tinggi
23	Saya memastikan pakaian suci daripada najis sebelum solat	4.54	.64	Tinggi
24	Saya tidak meninggalkan solat fardu tanpa uzur (sebab) yang dibenarkan oleh syariat Islam	4.46	.73	Tinggi
25	Saya mengiringi solat fardu dengan solat-solat sunat	3.56	.84	Sederhana tinggi
26	Saya mengerjakan ibadat puasa dengan sempurna kecuali uzur (sebab) yang dibenarkan oleh syarak	4.73	.48	Tinggi
27	Saya berfikir tentang tanda-tanda kebesaran Allah pada setiap masa	4.30	.80	Tinggi
Skor Min Dan Sisihan Piawai Keseluruhan		4.44	0.32	Tinggi

Hasil analisis statistik diskriptif tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK seperti dalam jadual 3 berada pada julat yang tinggi, iaitu 4.44 (4.00-5.00: Jadual 1). Ini menunjukkan siswa guru PPISMP di IPGKIK mempunyai tahap penghayatan agama yang tinggi. Berdasarkan jadual 3, didapati item 1 iaitu; saya menyedari bahawa Allah adalah pelindung kepada semua jenis makhluk mendapat skor yang paling tinggi (min=4.98). Manakala skor paling rendah (min=3.2) adalah pada item ke 21 iaitu; saya bangun pada waktu malam untuk menunaikan solat tahajud dan solat sunat yang lain.

***Perbandingan tahap penghayatan agama siswa guru berdasarkan jantina***

Jadual 4

*Ujian-T Perbandingan Tahap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Siswa Guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK Berdasarkan Jantina*

Jantina	N	Min	SP	t	Tahap Signifikan
Lelaki	21	4.49	0.39	0.86	0.395
Perempuan	42	4.42	0.28		

\*p>.05

Berdasarkan Jadual 3 didapati nilai-t bagi tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK bagi siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan ialah t=0.86 dan tahap signifikan p=0.395. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05(p>0.05). Oleh itu, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan. Skor min tahap penghayatan agama siswa guru lelaki (min=4.49) adalah lebih tinggi daripada tahap penghayatan agama siswa guru perempuan (min=4.42). Ini bermakna tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK adalah sama.

**PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Hasil kajian mendapati tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru PPISMP Ambilan Jun 2017 di IPG KIK berada pada tahap tinggi dengan min 4.44. Dapatan ini adalah menyokong dapatan kajian Zamri *et.al.*, (2017) yang menunjukkan penghayatan agama dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pendidikan di lima buah universiti awam iaitu di UKM, UPM, UM, USM dan UTM berada pada tahap yang tinggi. Kajian



ini juga adalah selari dengan kajian tahap penghayatan agama oleh Seri dan Fariza (2013) ke atas 100 orang pelajar Islam di Politeknik Ungku Omar mendapati 98% peratus responden mendapat skor yang tinggi pada tahap pengamalan ajaran Islam dan hanya 2% peratus responden mendapat skor pada tahap yang sederhana, dan tiada seorang responden iaitu 0% peratus yang berada pada tahap pengamalan ajaran Islam yang rendah.

Kajian ini juga menyokong kajian Sarimah, Mohd Kashfi, Ab. Halim dan Kamarulzaman (2011) yang mengkaji penghayatan akhlak Islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Selangor menunjukkan penghayatan pelajar dalam domain amalan agama adalah tinggi.

Dapatan kajian ini telah menunjukkan sesuatu yang positif. Ini kerana, penghayatan agama dalam diri mahasiswa adalah sesuatu yang penting kerana dalam konteks pembangunan pelajar, pembangunan berteraskan penghayatan agama merupakan sesuatu yang sangat penting atas prinsip agama sebagai salah satu daya kawal manusia dari aspek tingkah laku. Dimensi kerohanian dalam penghayatan agama melalui kaedah *tazkiyyah al-nafs* perlu dihayati dan dijadikan teras kepada pembentukan modul pembangunan pelajar (Zulkiplie dan Nor Salimah, 2008). Pembentukan modal pembangunan pelajar juga adalah landasan dalam melahirkan pendidik yang mempunyai jati diri dan sahsiah yang terpuji. Sebagai pendidik, nilai keperibadian dan jati diri bukan sahaja dari segi ilmu, malahan agama, nilai, bahasa, budaya, perpaduan, dan semangat nasional (Zamri *et.al*, 2017). Dimensi agama juga bertindak sebagai aspek universal dalam membentuk sikap dan tingkah laku seseorang. Ia membimbing seseorang untuk melakukan perbuatan yang baik dan hidup dengan semangat dan etika (Md Noor & Zanaton, 2016)

Berdasarkan ujian-t, didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap penghayatan agama dalam kalangan siswa guru lelaki dan siswa guru perempuan. Namun kajian ini menunjukkan min penghayatan agama bagi siswa guru lelaki adalah sedikit tinggi (4.49) berbanding siswa guru perempuan (4.42). Dapatan ini adalah berbeza dengan kajian yang dijalankan ke atas pelajar di Universiti Malaysia Kelantan mendapati penghayatan agama dalam kalangan pelajar lelaki adalah lebih rendah berbanding dengan penghayatan agama pelajar perempuan. Dapatan ini juga tidak selari dengan kajian Sarimah Mokhtar *et. Al.*, (2011) yang menunjukkan amalan penghayatan agama pelajar lelaki adalah lebih rendah (min=321.50), berbanding pelajar perempuan (min=337.88).

Dapatan kajian ini adalah menyokong kajian yang dibuat oleh Pew Research Center (2016) yang menyatakan tidak terdapat perbezaan pada tahap amalan dan komitmen agama dalam kalangan lelaki dengan perempuan Muslim, berbanding penghayatan agama dalam kalangan penganut Kristian. Selain amalan solat berjemaah dan solat Jumaat yang lebih didominasi Muslim lelaki, penghayatan dan amalan agama dalam aspek lain di antara Muslim lelaki dengan perempuan adalah sama.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan, siswa guru disarankan mempunyai jati diri dan penghayatan agama yang kukuh. Ini kerana penghayatan agama dapat memandu individu ke landasan akhlak yang betul dan membentuk sahsiah terpuji sejajar dengan etika guru yang digariskan Kementerian Pelajaran Malaysia. Di pihak institusi, usaha meningkatkan penghayatan dan amalan agama dapat direalisasikan dengan memberi perhatian terhadap program-program keagamaan seperti pengimaran surau di dalam kampus dengan aktiviti seperti solat berjemaah, kuliah-kuliah agama, program halaqah tadarus al-Quran dan sebagainya.

Bagi siswa guru pula, amalan penghayatan agama perlu diterapkan dan ditingkatkan melalui kaedah *tazkiyyah al-nafs* seperti menunaikan solat di awal waktu, melazimi solat dan ibadah sunat, membaca al-Quran, bertadabbur dengan al-Quran, meghadiri majlis-majlis agama dan sebagainya. Ini dapat meningkatkan amalan agama siswa guru seterusnya mampu membentuk sahsiah yang baik. Oleh kerana

kajian ini tertumpu kepada mengenalpasti aspek penghayatan agama sahaja, maka adalah dicadangkan penyelidik lain meluaskan lagi kajian dengan mengkaji aspek lain seperti penghayatan akhlak, dan faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan agama dalam kalangan siswa guru dari Institut Pendidikan Guru yang lain. Kajian juga boleh dikembangkan dengan melibatkan pelajar dari institusi pendidikan tinggi awam dan swasta bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih baik serta memberi impak kepada kajian terhadap penghayatan agama mahasiswa di Malaysia.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini merumuskan bahawa, siswa guru di IPGKIK mempunyai penghayatan agama yang tinggi dalam kalangan siswa guru lelaki mahupun siswa guru perempuan. Hal ini menunjukkan petanda positif kerana bagi mahasiswa yang bakal bergelar guru, seharusnya mereka mempunyai pegangan agama yang teguh. Namun penghayatan agama ini perlu diterapkan selari dengan akhlak mereka dan sentiasa ditingkatkan bagi melahirkan siswa guru yang bersahsiah terpuji dan berakhlak mulia.

## RUJUKAN

- Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). Dokumen standard Kurikulum dan pentaksiran: Pendidikan Islam Tingkatan 2, KSSM.
- Ismail Ab. Rahman.1993. *Pendidikan di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian Ambilan Jun 2015.
- Mansor Abd. Kadir. (1997, 13 November). *Pembinaan sahsiah, disiplin dan kepimpinan pelajar SMKA*. Seminar Kebangsaan SMKA: SMKA model pendidikan alaf baru. Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.
- Md Noor Saper & Zanaton Iksan. (2016). The effects of guidance module in islamic perspective on the Religiosity among students with misbehaviour issues. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2 (1), 2016 98-106, e-ISSN: 2289-960X 89.
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid dan Samsilah Roslan (2015, Jun). *Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini*. Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 18, (halaman: 1–20)
- Nik Azis Nik Pa. (2007). Konsepsi tentang cabaran dan isu kritikal dalam pendidikan Islam. Dlm. Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak (editor). *Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari* (halaman 1 –33). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Nunnally, Jum C. (1972). *Educational measurement and evaluation*. New York. Mc-Graw Hill
- Pew Research Centre. (2018). The gender gap in religion around the world. Dimuat naik pada 20 April 2018.  
<http://www.pewforum.org/2016/03/22/the-gender-gap-in-religion-around-the-world/>
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia.(2018). Dimuat naik pada 20 April 2018.

<https://www.moe.gov.my/index.php/my/korporat/jabatan-dan-bahagian/institut-pendidikan-guru-malaysia>

Rekod Laporan Prosiding Akta 174, Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

RMK GPI1083, Berkuat kuasa mulai Jun 2013 (Kemas kini November 2016)

Sarimah Mokhtar, Mohd Kashfi Mohd Jailani, Ab. Halim Tamuri dan Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011, Desember). *Kajian persepsi penghayatan akhlak islam dalam kalangan pelajar sekolah menengah di selangor*. *Global Journal Al-Thaqafah*, Vol. 1: Issue 1(halaman 71-77)

Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri pelajar aliran pendidikan universiti awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEL)*. ISSN: 2180-4842. Vol. 7, Bil. 1 (Mei 2017): 1-10 34.

Zulkiple Abd. Ghani dan Nor Salimah Binti Abu Mansor. (2006, 8-9 August). *Penghayatan agama sebagai asas pembangunan pelajar: analisis terhadap beberapa pandangan al-imam al-ghazali*. National student development conference (NASDEC). Kuala Lumpur, Malaysia.